

Komunikasi interpersonal sebagai pengantara dalam hubungan penggunaan media massa dengan motivasi menjalani ujian calitan

Abstrak

Kanser jarang diperbualkan dalam kalangan rakyat Malaysia walaupun mereka menyedari bahawa kanser merupakan penyakit utama yang boleh menyebabkan kematian. Malahan, ujian calitan masih tidak dibincangkan secara terbuka terutamanya dalam kalangan orang Melayu yang menetap di kawasan luar bandar kerana ujian calitan dianggap sebagai tajuk perbualan yang sensitif. Interaksi secara interpersonal mempunyai pengaruh yang kuat dalam mempengaruhi individu untuk bertindak. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks sebagai faktor pengantara di perkaitan antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalankan ujian calitan. Pengedaran borang soal selidik ke atas 476 orang wanita yang pernah menjalankan ujian calitan di empat buah klinik kesihatan yang terpilih iaitu Klinik Kesihatan Botanik mewakili daerah Klang, Klinik Kesihatan Seri Kembangan mewakili daerah Petaling, Klinik Kesihatan Jenjarom mewakili daerah Kuala Langat dan Klinik Kesihatan Dengkil mewakili daerah Sepang. Analisis data dijalankan dengan menggunakan perisian komputer SPSS versi 22.0. Hasil analisis mengesahkan perkaitan penggunaan komunikasi interpersonal sebagai faktor pengantara untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks dalam hubungan penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan. Oleh itu, penyampaian maklumat dengan menggunakan pendekatan komunikasi secara interpersonal haruslah lebih kerap digunakan dalam penyebaran maklumat berkaitan dengan kanser serviks dan ujian calitan.

Kata kunci: *Komunikasi interpersonal, penyebaran maklumat, kanser serviks, ujian calitan, media massa*

Interpersonal communication as a mediator between the use of mass media and the motivation to conduct a pap smear test

Abstract

Cancer is a less discussed topic among Malaysians despite the fact that they know it is one of the main disease that could lead to death. Papanicolaou test (Pap Smear test) has still not been openly discussed, especially among the Malays living in the rural areas as this test is thought to be a sensitive topic to discuss. Interpersonal interactions can have on leading and influencing the others to take action. Therefore, this study was aimed at identifying the roles of using interpersonal communication in collecting information on cervix cancer as a mediating factor between the use of the mass media and the motivation to conduct a Pap Smear test. A total of 476 sets of questionnaires were distributed in four selected clinics namely Bandar Botanik Health Clinic representing Klang district, Seri Kembangan Health Clinic representing Petaling district, Jenjarom Health Clinic representing Kuala Langat district, and Dengkil Health Clinic representing Sepang

district. Data analysis was performed using SPSS 22.0. This study confirmed the mediating role of interpersonal communication in collecting information on cervix cancer between the use of mass media and the motivation to carry out Pap Smear test. This study concludes that the interpersonal communication approach should be used more frequently in disseminating the information related to cervix cancer and Pap Smear test.

Keywords: *Interpersonal communication, information disseminating, cervical cancer, Pap Smear test, mass media*

PENGENALAN

Kanser serviks ialah jenis kanser nombor dua yang paling kerap dihidapi dan juga jenis kanser yang berada pada nombor keempat dalam senarai penyakit yang paling kerap menyebabkan kematian dalam kalangan wanita di Malaysia (Rima Marhayu Abdul Rashid et al. 2013). Penyakit kanser serviks mencatatkan jumlah pesakit yang kedua tertinggi selepas kanser payudara dalam kalangan wanita di Malaysia. Hampir lima ratus ribu kes kanser serviks telah dikenal pasti pada tahun 2012 di seluruh dunia (Ferlay et al. 2013). Jumlah kes kanser serviks menyumbang kira-kira 12% kepada keseluruhan bilangan kes kanser dalam kalangan wanita Malaysia (Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia [Jawatankuasa Fatwa MKI] 2010).

Hal ini bertambah serius apabila jumlah kes kanser serviks yang dikenal pasti di Malaysia bukan sahaja tidak menunjukkan penurunan (Nor Hayati, Halimah Yahaya, & Zulkefi Sanip 2006), malahan kes kanser serviks telah menunjukkan peningkatan kepada 454,000 kes pada tahun 2010 (Forouzanfars et al. 2011). Kes kanser serviks di Malaysia semakin meningkat selepas 35 tahun (Zainal Ariffin & Nor Saleha 2012). Hampir 80% daripada jumlah tersebut atau bersamaan dengan 400,000 kes berlaku di negara sedang membangun dengan lebih daripada 270,000 kes kanser serviks yang mengakibatkan kematian setiap tahun ("HPV and cervical cancer" 2011).

Terdapat seramai 1,134 juta orang wanita berumur 15 tahun dan ke atas yang terdedah kepada risiko menghidapi kanser serviks (Bruni et al. 2014). Anggaran terdapat 1% wanita dalam populasi umum di Malaysia telah dijangkiti *Human Papilloma Virus* (HPV) dan jangkitan HPV menyumbang setinggi 88.6% kepada kanser serviks (Bruni et al. 2014). Kini, telah wujud suntikan vaksin HPV yang dapat mencegah jangkitan HPV iaitu punca utama kanser serviks yang juga menyumbang kepada 5% jenis kanser yang lain seperti kanser faraj, kanser zakar atau sesetengah kanser pada bahagian kepala dan leher (Persatuan Obstetrik dan Ginekologi Malaysia [OGSM] 2014).

Jumlah RM150 juta telah diperuntukkan bagi melancarkan Program Pelalian HPV yang dianjurkan oleh KKM sejak tahun 2010 untuk murid perempuan tingkatan satu di seluruh Malaysia dan remaja perempuan warganegara Malaysia berusia 13 tahun yang tidak bersekolah. Program Pelalian HPV bertujuan mengurangkan beban penyakit akibat kanser serviks dalam tempoh 20 tahun akan datang (Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM 2011a).

Namun begitu, pengambilan suntikan vaksin HPV ini bukan bererti untuk menggantikan ujian calitan (*Papanicolaou test/ Pap Smear*) kerana mereka tetap perlu menjalani ujian calitan kerana vaksin HPV tidak dapat melindungi mereka daripada jangkitan HPV kronik sepenuhnya. Oleh itu, ujian calitan adalah satu-satunya cara yang dapat mengesan kanser serviks pada peringkat awal, manakala suntikan vaksin HPV adalah lebih disyorkan diberi kepada gadis remaja dalam lingkungan umur 10 hingga 25 tahun (American Cancer Society [ACS] 2011). Tambahan pula, kebanyakan negara termasuk Malaysia tidak akan mampu memberikan suntikan HPV bagi seluruh penduduk dalam lingkungan usia remaja (Nor Hayati Othman & Matejka Rebolj 2009).

Ujian calitan jarang dijadikan topik perbualan secara terbuka bagi sesetengah penduduk di Malaysia. Ini dapat diperjelaskan dengan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2011) yang mendapati ujian calitan masih tidak dibincangkan secara terbuka terutamanya dalam kalangan orang Melayu yang menetap di kawasan luar bandar kerana ujian calitan dianggap sebagai tajuk perbualan yang sensitif, tidak menyenangkan dan menakutkan. Hal ini bertambah serius apabila jururawat muda yang belum berkahwin yang berkhidmat di Klinik Desa juga berasa malu untuk membincangkan ujian calitan dengan pesakit luar bandar (Kementerian Kesihatan Malaysia 2011).

Kajian oleh Wong et al. (2008) menunjukkan wanita melaporkan tahap kebimbangan dan rasa malu yang tinggi sekiranya faraj diperiksa oleh doktor lelaki. Wanita khususnya wanita Islam berasa lebih selesa sekiranya faraj atau pelvis diperiksa oleh doktor wanita. Beberapa orang responden berbangsa Melayu menegaskan bahawa mereka hanya akan menerima pemeriksaan faraj yang dikendalikan oleh seorang doktor perempuan. Terdapat juga responden dalam kajian mereka yang menyatakan bahawa suaminya tidak mahu mereka menjalankan peperiksaan itu sekiranya dikendalikan oleh doktor lelaki.

Kajian mereka turut menunjukkan bahawa kurangnya galakkan daripada ahli keluarga menyebabkan wanita tidak terdorong untuk menjalankan ujian calitan. Tambahan juga, wanita cenderung tidak berbincang dengan pasangan tentang ujian calitan. Bagi ibu yang tidak menjalankan ujian calitan, anak juga cenderung tidak menjalankan ujian tersebut. Hal ini bertambah serius apabila pengalaman lepas yang tidak menyenangkan tentang pemeriksaan ujian calitan yang dikongsi oleh ahli keluarga, rakan-rakan atau saudara akan menyebabkan mereka berasa ujian calitan adalah menakutkan.

Oleh itu, keputusan berkaitan dengan kesihatan yang dibuat oleh wanita bukan sahaja dipengaruhi oleh pasangan tetapi juga cenderung mudah dipengaruhi oleh sumber interpersonal yang lain seperti rakan, saudara atau jiran. Kajian oleh Nasir Yusoff, Nur Aishah Mohd Taib, dan Aini Ahmad (2011) menunjukkan bahawa wanita akan mendapatkan rawatan dari bomoh terutamanya bagi mereka yang mendapat galakkan dari kawan. Motivasi untuk mendapatkan rawatan dari bomoh akan meningkat khususnya setelah mengetahui rakannya sembuh tanpa perlunya menerima rawatan perubatan moden.

Dengan demikian, komunikasi interpersonal memainkan peranan dalam hubungan di antara pendedahan maklumat menerusi media massa dengan kesan persepsi terhadap risiko berkenaan kesihatan sendiri dan orang lain (Morton & Duck 2001). Walaupun peranan

husus komunikasi interpersonal dengan media massa tidak jelas, rangkaian interpersonal memainkan peranan penting dalam membentuk pergantungan individu terhadap media massa. Tanpa wujudnya rangkaian interpersonal, media massa tidak dapat membawa perubahan yang besar kepada pendapat umum (Valente, Poppe, & Merrit 1996).

Namun begitu, kajian tentang kanser serviks dalam bidang komunikasi masih sedikit. Walaupun terdapat kajian yang membincangkan komunikasi kesihatan namun tumpuannya adalah pada proses komunikasi di antara pakar perubatan dengan pesakit (Khan, Hassali, Hassali, & Al-Haddad 2011; Nor Aida Maskor et al. 2013; Norazah Mohd Suki & Norbayah Mohd Suki 2011; Tan et al. 2012). Oleh hal yang demikian, kajian tentang kesan perantaraan penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks di perkaitan antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalankan ujian calitan adalah penting untuk dikaji.

KOMUNIKASI INTERPERSONAL

Komunikasi sangat penting dalam semua aspek kehidupan manusia. Komunikasi kesihatan memainkan peranan penting pada peringkat individu dan juga masyarakat (Office of Disease Prevention and Health Promotion 2005). Sebagai contoh, bagi individu, komunikasi kesihatan dapat meningkatkan tahap kesedaran terhadap isu berkaitan dengan kesihatan, membantu individu tersebut membuat keputusan berkenaan kesihatan yang kompleks seperti pemilihan pelan kesihatan dan bentuk rawatan yang bakal dijalankan, manakala bagi masyarakat pula, komunikasi kesihatan dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat tentang kesihatan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang sedia ada serta meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup masyarakat menerusi kempen yang berkaitan dengan kesihatan.

Promosi kesihatan ialah komponen yang penting dalam bidang perubatan dan pencegahan penyakit. Namun begitu, tahap kebimbangan wanita terhadap kanser serviks semakin meningkat apabila tahap pendedahan maklumat berkenaan kanser serviks meningkat. Hal ini disahkan dalam kajian Lemal dan Bulck (2010) yang menunjukkan wanita mempunyai tahap pendedahan yang rendah terhadap maklumat kanser serviks iaitu dua kali lebih takut menghadapi kanser serviks. Dibandingkan dengan dengan wanita yang kerap terdedah kepada maklumat berkenaan kanser serviks, mereka tiga kali lebih takut menghadapi kanser serviks.

Oleh yang demikian, komunikasi dapat meningkatkan kesihatan dari berbagai-bagai aspek dan disiplin yang berkait dengan kesejahteraan (Nazione, Pace, Russell, & Silk 2013). Kriteria komunikasi yang memuaskan daripada perspektif Fischhoff (2011) merujuk kepada mengandungi maklumat yang diperlukan untuk membuat keputusan yang tepat dan maklumat adalah berbentuk mudah dicapai serta senang difahami. Ciri-ciri lain yang berkait dengan komunikasi yang memuaskan termasuk maklumat yang mencukupi dan berkeupayaan dalam mempengaruhi keputusan yang bakal diambil oleh seseorang.

Doktor merupakan sumber yang paling kerap dirujuk (Mello et al. 2013). Kajian oleh Rutten et al. (2005) menunjukkan bahawa pakar perubatan merupakan sumber yang paling kuat mempengaruhi individu dalam membuat keputusan berkenaan kesihatan khususnya bagi pesakit dalam fasa dikenal pasti menghadapi kanser dan mereka yang menjalankan rawatan kanser. Oleh itu, perbincangan dengan doktor dapat menenangkan emosi pesakit dengan mengurangkan tahap kebimbangan dan kemurungan pesakit.

Selain daripada doktor, jururawat juga merupakan sumber maklumat berkaitan kesihatan yang gemar dirujuk oleh pesakit terutamanya pesakit kanser. Jururawat dianggap sebagai sumber maklumat primer terutamanya bagi pesakit kanser yang menjalankan rawatan kanser (Koutsopoulou et al. 2010). Jururawat dianggap dapat membekalkan maklumat berkualiti yang diperlukan oleh pesakit kanser. Hal ini khususnya bagi jururawat onkologi kerana mereka dapat membantu pesakit kanser mentafsir maklumat yang diterima daripada sumber-sumber lain. Tambahan lagi, jururawat juga akan menganjukkan lebih banyak maklumat yang diperlukan oleh pesakit kanser seperti maklumat berkaitan dengan pengurusan diri dan aktiviti harian.

Kajian oleh Aishah Ahmad Makinuddin dan Osman Ali (2000) menunjukkan bahawa lebih daripada 95% pengamal kesihatan iaitu bidan dan jururawat di klinik kesihatan negeri Kedah akan bertanya kepada wanita berkenaan dengan gejala kanser serviks. Selain itu, jururawat juga akan memberi nasihat kepada wanita supaya mereka menjalankan ujian calitan di klinik kesihatan yang terdekat, mengingatkan wanita yang gagal menjalankan ujian calitan secara konsisten dan memaklumkan keputusan ujian kepada mereka yang telah menjalankan ujian calitan. Hal ini adalah penting dalam membantu meningkatkan jumlah wanita yang menjalankan ujian calitan secara langsung.

Selain maklumat tentang kesihatan yang formal daripada pengamal kesihatan profesional, komunikasi kesihatan tidak formal juga memainkan peranan yang penting. Menurut Seo dan Matsaganis (2013), perkongsian maklumat dengan ahli keluarga atau rakan-rakan dapat mendorong individu untuk mengamalkan tabiat pemakanan yang lebih sihat terutamanya bagi mereka yang terdedah kepada maklumat tentang kesihatan menerusi media massa. Namun begitu, kajian mereka menunjukkan bahawa peranan komunikasi interpersonal sebagai pengantara mempengaruhi tindakan individu mengamalkan tabiat pemakanan yang sihat hanya sah bagi mereka yang mempunyai tahap pendidikan rendah. Ceramah berkenaan kesihatan yang menggunakan komunikasi interpersonal didapati berkesan dalam mendorong individu untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat terutamanya bagi individu yang pernah terdedah kepada maklumat tentang kesihatan menerusi media massa dan juga mereka yang telah melalui proses mendapatkan maklumat tentang kesihatan berkenaan.

Penyampaian maklumat tentang pemeriksaan kanser menerusi pusat kesihatan masyarakat, hospital awam serta gereja didapati berkesan dalam kalangan rakyat Afrika Amerika dan Hispanik. Hay et al. (2009) menyatakan bahawa pusat kesihatan masyarakat, hospital awam serta gereja digunakan secara meluas dalam kalangan rakyat Afrika Amerika dan Hispanik untuk menggalakkan masyarakatnya menjalankan pemeriksaan kanser. Institusi sosial didapati berkesan meningkatkan pengetahuan, kesedaran serta penglibatan masyarakat terhadap peningkatan tahap kesihatan.

Sebagai contoh, gereja merupakan konteks penyampaian maklumat tentang kanser yang berkesan terutamanya bagi rakyat Afrika Amerika dan kumpulan etnik yang lain. Komunikasi interpersonal digunakan untuk menyampaikan maklumat tentang kesihatan kepada masyarakat. Misalnya, maklumat tentang kesihatan disampaikan menerusi komunikasi di tempat kerja, radio, surat khabar dan pustakawan. Kaunseling melalui telefon, Internet, kursus berasaskan komputer dan bercerita juga digunakan untuk mencapai populasi yang spesifik. Teknik bercerita yang digunakan seperti perkongsian kisah benar yang dilalui. Strategi lain yang digunakan termasuk bahan-bahan dipadankan dengan ciri-ciri penduduk dengan memastikan maklumat yang disediakan selaras dengan konteks budaya masyarakat berkenaan dan menggunakan bahasa ibunda mereka.

Oleh itu, pengaruh pemimpin pendapat berlaku dalam kalangan masyarakat sama ada secara disedari atau tidak disedari. Tidak dinafikan bahawa institusi sosial berupaya mempengaruhi kehidupan harian dalam kalangan masyarakat. Kajiannya oleh Muturi (2007) mendapati *Faith-Based Organizations* di Jamaica merupakan institusi sosial dan budaya yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kehidupan harian masyarakat di Jamaica dari segi pembentukan nilai, kepercayaan dan tingkah laku yang berkait dengan seksual dan pemahaman sendiri. Individu cenderung merujuk kepada pendapat pemimpin apabila mereka perlu membuat keputusan kerana mereka merasa pemimpin pendapat merupakan sumber maklumat yang boleh dipercayai.

Hasil kajian beliau turut mengesahkan bahawa hubungan interpersonal dan komunikasi merupakan komponen penting dalam tingkah laku kesihatan. Kajiannya menunjukkan bahawa pemimpin mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi tingkah laku masyarakat menerusi interaksi secara bersemuka dengan mereka. Hal ini demikian kerana beliau mendapati terdapat pengaruh sosial yang berlaku dalam masyarakat di Jamaica iaitu berlakunya terapan perubahan tingkah setelah berinteraksi dengan pemimpin agama mereka. Hal ini ternyata bahawa, ketua agama berperanan sebagai sumber maklumat tentang pelbagai isu terutamanya bagi masyarakat yang mempunyai peluang pembelajaran yang terhad dan capaian media massa yang terhad.

Oleh itu, rangkaian sosial dan komuniti adalah penting dalam menyampaikan nilai-nilai, kepercayaan dan norma-norma sistem sosial. Misalnya, Teori Pengaruh Sosial oleh Fisher (1988) turut mengajukan perubahan tingkah laku individu dipengaruhi oleh pemimpin pendapat dan media massa hanya mempunyai kuasa pengaruh yang terhad (Muturi 2007). Selain itu, Model Aliran Dua Tahap juga mengutarakan idea bahawa aliran maklumat bermula dari radio atau media cetak kepada pemimpin dan kemudian kepada penduduk terutamanya bagi penduduk yang jarang menggunakan media untuk mendapatkan maklumat (Katz 1957). Manakala, Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura (1986) pula mengemukakan faktor-faktor berkaitan dengan pengalaman dan persepsi persekitaran individu dalam kombinasi dengan sifat-sifat peribadi yang menyumbang kepada pembentukan atau perubahan sesuatu tingkah laku.

Oleh sebab telah terbukti daripada kajian-kajian lepas yang dibincangkan, maka sumber maklumat yang didapati menerusi komunikasi interpersonal bukan hanya sebagai sumber

maklumat yang dapat membantu individu mengamalkan gaya hidup yang sihat secara langsung tetapi juga dianggap sebagai pengantara untuk mempengaruhi tingkah laku kesihatan. Hal ini disahkan dalam kajian Seo dan Matsaganis (2013) yang mendapati bahawa komunikasi interpersonal mendorong niat mengamalkan tingkah laku kesihatan dan juga merupakan pemboleh ubah pengantara yang mempengaruhi pengamalan tingkah laku kesihatan yang positif dalam persekitaran yang mempunyai pelbagai saluran yang menyampaikan maklumat berkenaan kesihatan. Oleh hal yang demikian, terdapat pelbagai pihak yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran orang awam tentang kanser serviks menerusi saluran komunikasi interpersonal.

PENGGUNAAN MEDIA MASSA

Media massa memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan maklumat yang tepat supaya dapat mengalakkan pengamalan gaya hidup yang sihat. Dapatan kajian oleh Ramírez et al. (2013) menunjukkan bahawa individu yang terlibat dalam tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kesihatan akan tiga kali cenderung terlibat dalam diet seimbang berbanding dengan individu yang tidak terlibat dalam tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kesihatan. Di samping itu, individu yang terlibat dalam tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kesihatan juga akan cenderung mengambil hidangan buah-buahan dan sayur-sayuran yang lebih banyak serta menjalankan aktiviti senaman sehari setiap minggu.

Ujian calitan telah dikenal pasti dapat mengurangkan kematian akibat kanser serviks tetapi masih ramai wanita yang tidak menjalankan ujian calitan secara konsisten (Nelson et al. 2009). Wanita yang terdedah kepada maklumat tentang kanser serviks menerusi televisyen bukan sahaja tidak menyedari bahayanya penyakit ini dan risiko berkaitan dengan kanser serviks, malah mereka mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap kanser serviks kerana dibekalkan dengan maklumat yang bercanggah, tidak lengkap serta ditulis dalam bahasa yang terlalu teknikal oleh agensi seperti pusat kesihatan, Farmasi ataupun maklumat yang disampaikan menerusi media massa (Varma 2009). Oleh itu, ramai wanita tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang kepentingan pengesanan awal kanser serviks (Wong et al. 2009).

Kekeliruan maklumat berkenaan dengan kanser serviks menjadi semakin serius dalam era yang berteknologi tinggi ini kerana orang awam bebas mendapatkan pelbagai maklumat menerusi Internet yang tidak dapat dipastikan kesahihannya. Pelbagai maklumat yang diperoleh daripada sumber yang berlainan menyebabkan ketidakpastian terhadap teknik-teknik pencegahan kanser yang betul (Arora et al. 2008). Selain itu, dapatan daripada kajian Czaja dan Clara (2003) menunjukkan bahawa kebanyakan pesakit mempunyai keinginan untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang penyakit yang dihadapi, namun mereka berasa sukar untuk mendapatkan maklumat yang diingini.

Dengan demikian, tingkah laku kesihatan (*health behavior*) bukan sahaja mungkin dipengaruhi oleh maklumat yang mereka dapati, tetapi juga dipengaruhi oleh maklumat yang terdedah ketika mereka menggunakan pelbagai jenis media atau ketika berinteraksi dengan orang lain (Kelly et al. 2010). Selanjutnya, Hornik (2002) juga menyatakan bahawa

tingkah laku kesihatan dipengaruhi oleh kempen komunikasi kesihatan dan juga melalui perbualan harian dengan orang lain. Namun begitu, kajian analisis kandungan oleh Anker, Reinhart, dan Feeley (2011) terhadap pangkalan data *PsychInfo* yang mempunyai lebih daripada tiga juta pangkalan abstrak dalam bidang sains dan kesihatan menunjukkan bahawa tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kesihatan menerusi media massa meningkat sebanyak 22.6% di antara tahun 2006 hingga tahun 2010 tetapi tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kanser serviks menerusi komunikasi interpersonal adalah masih sedikit.

Selain itu, kajian oleh Tian dan Robinson (2008) mendapati bahawa kekerapan ke pusat kesihatan merupakan pemboleh ubah yang kuat dalam mempengaruhi penggunaan media yang pelbagai dalam proses mendapatkan maklumat. Ini menunjukkan bahawa individu yang lebih kerap ke pusat kesihatan merupakan individu yang lebih tumpuan kepada maklumat kesihatan yang diperolehi dari pelbagai media. Tambahan juga, tahap minat seseorang terhadap sesuatu akan menentukan pola penggunaan media tertentu. Di samping itu, individu bukan sahaja menitikberatkan kualiti maklumat tetapi juga faktor motivasi yang mempengaruhi tingkah laku mendapatkan kesihatan. Oleh hal yang demikian, Dutta-Bergman (2004) menegaskan bahawa penggunaan media tertentu juga bergantung pada kandungan maklumat, konteks dan ciri-ciri penonton berkenaan.

METODOLOGI

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen utama dalam kajian ini. Borang soal selidik merujuk kepada satu kaedah untuk penyelidik mendapatkan pandangan dan maklumat tentang diri individu. Menurut Bhattacharjee (2012), borang soal selidik ialah instrumen kajian yang terdiri daripada set soalan (item) yang bertujuan mendapatkan pandangan responden yang menggunakan cara yang seragam.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik ditadbir sendiri untuk mengumpulkan data. Borang soal selidik yang merujuk kepada instrumen yang digunakan untuk mengumpul maklumat, juga dikenali sebagai skala apabila penilaian skor dibuat (Slattery et al. 2011). Kriteria soalan dalam borang soal selidik yang baik termasuk ringkas, mudah difahami, jelas dan mudah dilengkapkan (Phellas, Bloch, & Seale 2012). Hal ini bertujuan mengelakkan salah faham dan ketidakfahaman terhadap soalan yang terkandung dalam borang soal selidik.

Bhattacharjee (2012) menyenaraikan tiga kebaikan menggunakan kaedah tinjauan. Pertama, kaedah tinjauan ialah kaedah yang paling sesuai untuk mengukur data yang pelbagai seperti ciri-ciri, sikap, kepercayaan, tingkah laku atau maklumat fakta seperti pendapatan. Kedua, kaedah yang sesuai untuk mengumpul data daripada penduduk yang besar untuk melihat sesuatu isu atau kejadian secara umum. Ketiga, kaedah tinjauan dapat memberi masa untuk responden berfikir sebelum menjawab.

Tambahan lagi, borang soal selidik berstruktur dipilih kerana menjimatkan masa untuk mengumpul data dibandingkan dengan temu ramah dan responden dapat menjawab

dengan lebih mudah berdasarkan soalan yang dikemukakan. Selain itu, responden boleh memberi jawapan berasaskan pendapat mereka tanpa dipengaruhi oleh pihak ketiga kerana interaksi yang minimum antara penyelidik dengan responden. Dengan kata lain, bias dalam jawapan yang diterima dapat dielakkan.

Dua soalan dikemukakan untuk mengukur tahap penggunaan media dan pendedahan terhadap iklan kanser serviks. Soalan pertama tentang masa purata yang digunakan untuk media cetak (surat khabar, majalah, risalah), media elektronik (televisyen dan radio) serta media baru (Internet). Soalan kedua tentang tahap pendedahan kepada maklumat tentang kanser serviks yang telah diguna pakai oleh Lemal dan Bulck (2010) dalam kajian mereka tentang liputan berita di televisyen tentang kanser serviks. Namun begitu, selain daripada mengukur liputan berita di televisyen tentang kanser serviks kajian ini turut mengukur liputan berita tentang kanser serviks oleh surat khabar, majalah, risalah, radio dan Internet.

Sejumlah 13 item sumber komunikasi interpersonal dikemukakan untuk mengukur tahap penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks. Kajian membahagikan sumber komunikasi interpersonal kepada tiga kategori, iaitu pengamal kesihatan profesional, agensi kesihatan serta rangkaian sosial. Ahli profesional terdiri daripada terbahagi kepada tiga, iaitu pakar perubatan, jururawat dan ahli profesional penjagaan kesihatan seperti ahli farmasi. Pakar perubatan adalah seperti pengamal perubatan umum, pakar bedah dan pakar sakit puan. Manakala, agensi kesihatan terbahagi kepada empat buah kumpulan, iaitu pusat panggilan talian, badan kebajikan, organisasi penjagaan kesihatan dan kaunselor. Seterusnya, rangkaian sosial terbahagi kepada enam buah kumpulan, iaitu rakan-rakan, rakan sekerja, ahli keluarga, jiran, ahli agama dan pesakit lain.

Enam pernyataan tentang motivasi untuk menjalankan ujian calitan dikemukakan. Tiga pernyataan tentang motivasi untuk menjalankan ujian calitan diambil dari "CPC-28" yang dibentuk oleh Urrutia (2009), iaitu "jururawat/ bidan mencadangkan saya menjalankan ujian calitan", "dokter mencadangkan saya menjalankan ujian calitan" dan "ahli keluarga mencadangkan saya menjalankan ujian calitan". Penyelidik telah membuat pengubahsuaian ke atas tiga pernyataan tentang motivasi untuk menjalankan ujian calitan. Selain itu, item "kawan/ jiran mencadangkan saya menjalankan ujian calitan" telah dipisahkan kepada dua item, iaitu "kawan mencadangkan saya menjalankan ujian calitan" dan "jiran mencadangkan saya menjalankan ujian calitan" kerana pernyataan tersebut mengandungi dua jenis sumber berlainan, iaitu kawan dan jiran yang akan mengelirukan responden. Pengubahsuaian terhadap item "terdedah kepada maklumat ujian calitan menerusi surat khabar/ radio" turut dibuat. Perkataan surat khabar/radio ditukarkan kepada media massa di mana ia merangkumi semua jenis media sama ada media cetak, media elektronik atau media baru.

Kajian tertumpu kepada wanita berumur di antara 20 hingga 65 tahun kerana mereka merupakan golongan yang terdedah kepada kanser serviks di Malaysia. Hal ini kerana Program Saringan Pap Smear di Malaysia menyediakan kemudahan perkhidmatan yang percuma kepada semua wanita berusia 20 hingga 65 tahun di klinik dan hospital kerajaan (Anisah Baharom & Maimunah Ismail 2008). Dengan kata lain, mereka merupakan golongan wanita yang terdedah kepada kanser serviks.

Memandangkan bahawa kajian ini hanya fokus kepada wanita yang datang ke klinik kesihatan menjalankan ujian calitan sahaja, maka kaedah pensampelan bertujuan ini amatlah sesuai digunakan untuk kajian ini. Pemilihan wanita yang pernah menjalankan ujian calitan sebagai subjek kajian kerana mereka merupakan individu yang telah membuat keputusan untuk menjalankan ujian calitan. Hal ini demikian kerana golongan wanita ini merupakan individu yang pernah terdedah kepada maklumat kanser serviks dan berkemungkinan terlibat dalam tingkah laku mendapatkan maklumat kanser serviks. Tambahan lagi, cara pensampelan ini juga lebih mudah bagi pengkaji untuk mendapatkan subjek dan menjimatkan masa serta perbelanjaan semasa kajian ini dijalankan.

Sejumlah 476 borang soal selidik telah diedarkan di empat buah klinik kesihatan yang dipilih secara rawak mudah iaitu Klinik kesihatan Botanik (178 orang), Klinik kesihatan Seri Kembangan (197 orang), Klinik kesihatan Jenjarom (72 orang) dan Klinik kesihatan Dengkil (29 orang). Data yang terkumpul akan dianalisis dengan menggunakan kaedah *bootstrapping* yang diperkenalkan oleh Preacher dan Hayes (2008) iaitu *SPSS Macro for Multiple Mediation*. *Bootstrapping* dijalankan untuk mengkaji kesan pengantaraan penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks terhadap perkaitan di antara penggunaan media massa (pemboleh ubah bebas) dengan motivasi untuk menjalankan ujian calitan (pemboleh ubah bersandar).

Bootstrapping dipilih kerana mempunyai kuasa analisis yang lebih tinggi dan keupayaan dalam mengawal kadar ralat jenis 1 (*type 1 error*) berbanding dengan analisis yang lain seperti *Sobel Test* (Preacher & Hayes, 2008, Hayes & Preacher, 2010). Ralat jenis 1 ialah kesan tidak langsung wujud apabila sebenarnya ia tidak berlaku (Hayes 2013). Maka, ralat jenis 1 akan menyebabkan kesimpulan yang tidak benar berkaitan dengan pengantaraan dibuat (Preacher & Hayes, 2004). Tambahan juga, *bootstrapping* tidak memerlukan taburan pensampelan yang normal seperti kriteria sebelum menjalankan *Sobel Test* (Preacher & Hayes 2008).


HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan seramai 476 orang yang terdiri daripada empat buah klinik kesihatan yang terpilih, iaitu 41.4% responden di Klinik Kesihatan Seri Kembangan, 37.4% responden di Klinik Kesihatan Botanik, 15.1% responden di Klinik Kesihatan Jenjarom dan 6.1% responden di Klinik Kesihatan Dengkil. Hampir separuh (46.6%) wanita dalam kajian ini berada pada peringkat umur 29 hingga 37, diikuti dengan 22.5% responden adalah berada pada peringkat umur 20 hingga 28, 16.8% responden adalah berada pada peringkat umur 38 hingga 46. Selebihnya adalah berumur di antara 9.9% responden 47 hingga 55 dan 3.6% responden 56 hingga 65.

Di samping itu, didapati responden yang berkahwin setinggi 96.6%. Hal ini kerana majoriti wanita yang menjalankan ujian calitan ialah individu yang pernah menjalankan hubungan seks. Dari segi bangsa, lebih daripada separuh responden adalah berbangsa Melayu dan

37.2% responden berbangsa Cina, 8.0% responden berbangsa India dan 1.5% responden berbangsa lain-lain.

Hasil analisis menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan langsung positif yang signifikan di antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalankan ujian calitan ($c = .17$, $t = 3.80$, $p = .0002$) (Rajah 1). Perkaitan di antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalankan ujian calitan adalah positif yang bermakna semakin tinggi penggunaan media massa, maka semakin tinggi motivasi untuk menjalankan ujian calitan. Pekali regresi (*regression coefficient*) memberitahu bahawa perbezaan satu unit dalam penggunaan media massa dijangkakan akan menyebabkan perbezaan sebanyak $c = .17$ unit pada motivasi untuk menjalankan ujian calitan. Maka, terdapat perkaitan positif yang signifikan di antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalankan ujian calitan.



Nota : *** $p < .001$


Rajah 1. Perkaitan penggunaan media massa dan motivasi untuk menjalankan ujian calitan

Selain itu, terdapat perkaitan positif yang signifikan di antara penggunaan media massa dengan penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks ($a = .46$, $t = 9.61$, $p = .000$) (Rajah 2). Perkaitan di antara penggunaan media massa dengan penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks adalah positif yang bermakna semakin tinggi penggunaan media massa, maka semakin tinggi penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks. Pekali regresi memberitahu perbezaan satu unit dalam penggunaan media massa dijangkakan akan menyebabkan perbezaan sebanyak $a = .46$ unit pada penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks. Maka, terdapat perkaitan positif yang signifikan di antara penggunaan media massa dengan penggunaan komunikasi interpersonal.

Di samping itu, penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks dan motivasi untuk menjalankan ujian calitan juga mempunyai perkaitan positif yang signifikan selepas mengawal penggunaan media massa ($b = .32$, $t = 7.76$, $p = .000$). Perkaitan di antara penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks dengan motivasi untuk menjalankan ujian calitan adalah positif yang bermakna semakin tinggi penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks, maka semakin tinggi motivasi untuk menjalankan ujian calitan.

Pekali regresi bagi penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks ialah $b = .32$. Hal ini bererti satu unit penggunaan komunikasi interpersonal

untuk mendapatkan maklumat kanser serviks dijangkakan akan menyebabkan perbezaan sebanyak .32 unit dalam motivasi untuk menjalankan ujian calitan. Maka, H3.3 diterima. Terdapat perkaitan positif yang signifikan di antara penggunaan komunikasi interpersonal dengan motivasi untuk menjalankan ujian calitan.



Nota: *** $p < .001$, ns = not significant

Rajah 2. Perkaitan penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks ke atas penggunaan media massa dan motivasi untuk menjalankan ujian calitan

Kesan tidak langsung motivasi untuk menjalankan ujian calitan selepas manipulasi penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks adalah $ab = .46(.32) = .147$. Hal ini bererti individu yang menggunakan media massa adalah .147 unit lebih tinggi bermotivasi untuk menjalankan ujian calitan setelah menggunakan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks. Hasil analisis menunjukkan terdapat kesan tidak langsung dengan nilai signifikan dua hala iaitu di antara .10 dan .20 pada aras nilai CI ialah 95%. Nilai sifar dalam hasil analisis ini berada di luar batas atas dan batas bawah pada aras 95%, maka boleh dikatakan terdapat kesan tidak langsung penggunaan media massa terhadap motivasi untuk menjalankan ujian calitan melalui penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks.

Manakala, kesan langsung di antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalankan ujian calitan ialah $c' = .03$ signifikan adalah tidak signifikan. Signifikan memainkan peranan penting untuk mengesahkan wujudnya kesan pengantaraan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar yang sah (Preacher & Hayes 2008). Hasil analisis *bootstrapping* menunjukkan wujudnya kesan pengantaraan (penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks) secara tidak langsung terhadap penggunaan media massa terhadap motivasi untuk menjalankan ujian calitan dengan nilai .15 pada aras 95% *bias-corrected confidence interval (CI)*. Kajian ini

dengan andaian bahawa kesan tidak langsung adalah signifikan apabila nilai sifar (0) berada di luar batas atas dan batas bawah pada aras 95%.

Oleh itu, boleh menyimpulkan bahawa penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks mempunyai pengantaraan sepenuhnya (*full mediation*) di antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalankan ujian calitan. Terdapat perkaitan pengantaraan yang signifikan terhadap penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks di antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalankan ujian calitan. Di samping itu, wujudnya kesan langsung penggunaan media massa dan motivasi untuk menjalani ujian calitan apabila mengawal pemboleh ubah pengantaraan iaitu penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks. Sehubungan dengan ini, penggunaan media massa mempengaruhi motivasi untuk menjalani ujian calitan menerusi satu pemboleh ubah pengantara iaitu penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks. Oleh itu, selain daripada media massa, komunikasi interpersonal turut memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi wanita untuk menjalani ujian calitan.

Secara ringkasnya, hasil analisis ini telah memenuhi keempat-empat kriteria yang dikemukakan oleh Preacher dan Leonardelli (2001) tentang pengesahan wujudnya perkaitan pemboleh ubah pengantara. Pertama, wujudnya perkaitan yang signifikan di antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah pengantara. Kedua, wujudnya perkaitan yang signifikan di antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar tanpa wujudnya pemboleh ubah pengantara. Ketiga, pemboleh ubah pengantara mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar. Keempat, perkaitan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar mengecut setelah wujudnya pemboleh ubah pengantara.

Ini selaras dengan kajian oleh Seo dan Matsaganis (2013) yang mendapati perkongsian maklumat dengan ahli keluarga atau rakan-rakan dapat mendorong individu untuk mengamalkan tabiat pemakanan yang lebih sihat terutamanya bagi mereka yang terdedah kepada maklumat tentang kesihatan menerusi media massa. Namun begitu, kajian mereka menunjukkan bahawa peranan komunikasi interpersonal sebagai pengantaraan yang mempengaruhi tindakan individu mengamalkan tabiat pemakanan yang sihat hanya sah bagi mereka yang mempunyai tahap pendidikan rendah. Di samping itu, ceramah berkenaan kesihatan yang menggunakan komunikasi interpersonal didapati berkesan mendorong individu untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat terutamanya bagi mereka yang pernah terdedah kepada maklumat tentang kesihatan menerusi media massa dan juga mereka yang telah melalui proses mendapatkan maklumat tentang kesihatan berkenaan.

Sehubungan dengan ini, sumber maklumat yang didapati menerusi komunikasi interpersonal bukan hanya sebagai sumber maklumat yang dapat membantu individu mengamalkan gaya hidup yang sihat secara langsung tetapi juga dianggap sebagai pengantara untuk mempengaruhi tingkah laku kesihatan. Hal ini turut disahkan dalam kajian Seo dan Matsaganis (2013) yang berkenaan dengan perkaitan di antara penggunaan media

massa dengan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kesihatan dengan tingkah laku kesihatan. Kajian mereka mendapati bahawa komunikasi interpersonal mendorong niat mengamalkan tingkah laku kesihatan dan juga sebagai pemboleh ubah pengantara yang mempengaruhi pengamalan tingkah laku kesihatan yang positif.

Merujuk kepada Teori Saluran Pelengkap, saluran yang mempunyai fungsi yang sama berkemungkinan mempunyai hubungan yang saling melengkapi antara satu sama lain dalam memenuhi keperluan maklumat individu. Dutta-Bergman (2006) mendapati bahawa individu yang mendapatkan berita tentang kesihatan menerusi Internet cenderung turut mengikuti berita tentang kesihatan melalui radio, televisyen dan media cetak dibandingkan dengan mereka yang tidak mendapatkan berita tentang kesihatan menerusi Internet. Individu yang kerap membaca surat khabar juga cenderung mendapatkan maklumat lanjut tentang topik berkenaan melalui Internet.

Hasil kajian ini mendapati terdapat perkaitan signifikan pengantaraan terhadap penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan. Di samping itu, kajian ini menyimpulkan bahawa penggunaan media dalam bentuk baharu adalah lebih tinggi dibandingkan dengan media tradisional. Namun begitu, media tradisional masih memainkan peranan yang penting kerana tahap penggunaan media tradisional juga agak tinggi. Walaupun terdapat perbezaan dari segi tahap penggunaan media baharu dan media tradisional, tetapi kedua-dua media tersebut adalah masih saling melengkapi (Ali Salman et al. 2011).

Kajian oleh Fries (2010) juga mengesahkan andaian Teori Saluran Pelengkap iaitu individu yang kerap menggunakan media tradisional juga cenderung menggunakan media baharu dalam proses mendapatkan maklumat tentang kesihatan. Kajian beliau tentang kepelbagaian dalam penggunaan media untuk mendapatkan maklumat kesihatan dengan menggunakan borang soal selidik yang melibatkan 185 orang pelajar di University of Dayton. Tahap penggunaan dikaji dari segi tempoh masa yang digunakan bagi media tradisional dan media baharu. Kajian tersebut turut mendapati bahawa hubungan saling melengkapi antara media tradisional dengan media baharu masih wujud setelah mengawal pemboleh ubah seperti faktor demografi. Oleh itu, kajian yang mengaplikasikan teori ini perlu mengambil berat faktor-faktor lain seperti umur, jantina, tahap pendidikan dan tahap kesihatan.

Secara ringkasnya, individu yang berminat dalam satu fungsi komunikasi akan menggunakan media tradisional dan media baharu untuk memenuhi keperluan mereka terhadap bidang tertentu. Dalam konteks media baharu sebagai pelengkap kepada media tradisional, perbezaan dari segi penggunaan media baharu dipengaruhi oleh faktor seperti berkecayaan kepada Internet, tahap pengetahuan terhadap berita dalam Internet dan kekerapan membaca berita di Internet (Dutta-Bergman 2004).

KESIMPULAN

Sehubungan dengan ini, penggunaan media massa mempengaruhi motivasi untuk menjalankan ujian calitan menerusi satu pemboleh ubah pengantara iaitu penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks. Media massa dan komunikasi interpersonal memainkan peranan yang sama penting dalam mendorong wanita menjalani ujian calitan. Tegasnya, penyebaran maklumat kesihatan menerusi media massa dan juga komunikasi interpersonal memainkan peranan yang penting untuk menambahkan ilmu pengetahuan individu terhadap keseriusan kanser serviks dan memotivasikan wanita mengambil tindakan untuk menjalankan ujian calitan. Media massa mempunyai kelebihan menyampaikan maklumat kepada khalayak yang luas. Oleh hal yang demikian, penyebaran maklumat kesihatan menerusi media massa memainkan peranan membentuk kesedaran dan menambahkan ilmu pengetahuan masyarakat terhadap keseriusan kanser serviks serta keberkesanan ujian calitan, manakala komunikasi interpersonal adalah lebih sesuai digunakan untuk menyampaikan maklumat berkaitan kanser secara terperinci, memujuk wanita untuk menjalani ujian calitan dan menyediakan sokongan sosial. Perbincangan secara interpersonal memungkinkan interaksi secara bersemuka yang lebih berkesan dalam memujuk individu untuk mengambil tindakan segera. Oleh itu, strategi komunikasi yang digunakan dalam kempen haruslah berasaskan kepada kelompok sasaran yang diselaraskan kepada norma dan budaya masyarakat setempat dengan kerjasama antara pihak kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Hasil kajian ini dapat digunakan sebagai panduan untuk menyelesaikan masalah semasa kerana instrumen dalam kajian ini yang mempunyai nilai alfa Cronbach yang melebihi .70 dapat dipercayai. Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak perancang kempen iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia dalam merangka strategi kempen pencegahan penyakit dan promosi kesihatan yang efektif. Penemuan hasil kajian ini juga dapat menjadi petunjuk kepada pembuat dasar untuk semua agensi dan badan berkenaan dengan kempen komunikasi agar memperkemas perancangan, pelaksanaan serta penilaian program yang berkesan bagi membendung isu berkaitan dengan kes kanser serviks yang mengakibatkan kematian yang tinggi di Malaysia.

Seterusnya, badan kerajaan dan institusi bukan kerajaan perlu meningkatkan capaian perkhidmatan ujian calitan. Perkhidmatan pemeriksaan juga perlu dijalankan secara berterusan dan mempunyai kualiti perkhidmatan yang tinggi. Perkhidmatan ujian calitan perlu berbentuk mudah dicapai oleh kumpulan sasaran terutamanya wanita berumur antara 20 hingga 65 tahun. Selain itu, waktu fleksibel perkhidmatan menjalani ujian calitan dapat menggalakkan wanita yang ingin menjalani tersebut.

Dari segi limitasi, hasil kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada wanita di Malaysia atau bangsa yang tertentu. Hal ini disebabkan subjek kajian terdiri daripada wanita yang pernah menjalani ujian calitan sahaja. Pemilihan wanita yang pernah menjalani ujian calitan sebagai subjek kajian kerana mereka ialah individu yang telah membuat keputusan untuk menjalani ujian calitan. Namun begitu, hasil kajian ini dapat digeneralisasikan kepada wanita yang pernah menjalani ujian calitan di negeri Selangor. Selain itu, kajian hanya tertumpu pada wanita berumur antara 20 hingga 65 tahun kerana mereka berada lingkungan umur wanita yang dicadangkan untuk menjalani ujian calitan di Malaysia.

Kedua, hasil kajian ini hanya dapat dibuat generalisasi terhadap klinik kesihatan kerajaan di negeri Selangor sahaja. Ini adalah kerana kajian telah dijalankan di empat buah klinik kesihatan kerajaan yang berada di empat buah daerah berlainan di negeri Selangor yang dipilih secara rawak mudah. Klinik kesihatan di negeri Selangor dipilih sebagai pusat untuk menjalankan kajian ini kerana terdapat sekurang-kurangnya tiga buah klinik kesihatan bagi setiap daerah yang penyelidik membuat kesimpulan umum terhadap wanita di negeri Selangor, Malaysia.

Beberapa cadangan yang perlu diberi perhatian untuk memperbaiki mutu kajian yang akan dijalankan pada masa hadapan. Kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk mengenal pasti bagaimanakah komunikasi interpersonal memainkan peranan sebagai pembolehubah pengantara terhadap perkaitan antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan. Kajian akan datang dapat dilihat dari aspek faktor individu dan faktor persekitaran. Kajian yang lebih mendalam juga perlu dilakukan terhadap kesan komunikasi interpersonal dengan mengklasifikasikan kesan psikologi ke atas tingkah laku, kesan kognitif, kesan afektif dan kesan sosial yang berlaku. Selain itu, responden kajian perlu tertumpu pada pesakit kanser serviks. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini mendapati bahawa tingkah laku mendapatkan maklumat kanser serviks menerusi komunikasi interpersonal dalam kalangan wanita yang pernah menjalani ujian calitan adalah rendah. Oleh itu, tingkah laku mendapatkan maklumat kanser serviks menerusi komunikasi interpersonal dalam kalangan pesakit kanser serviks mungkin berbeza.

Rujukan

- Aishah Ahmad Makinuddin., & Osman Ali. 2000. Pengetahuan, sikap dan amalan tentang kanser serviks di kalangan bidan, jururawat desa dan jururawat masyarakat. *Akademika*, 56, 107-119.
- Ali Salman., Faridah Ibrahim., Mohd Yusof Hj.Abdullah., Normah Mustaffa., & Maizatul Haizan Mahbob. 2011. The impact of new media on traditional mainstream mass media. *The Innovation Journal: The Public Sector Innovation Journal*, 16(3), 2-11.
- American Cancer Society (ACS). 2011. *Global cancer facts & figures 2nd Edition*. Atlanta: American Cancer Society.
- Anisah Baharom., & Maimunah Ismail. 2008. Case studies on decision for cervical cancer screening among working women. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 4(2), 173–184.
- Anker, A. E., Reinhart, A. M., & Feeley, T. H. 2011. Health information seeking: A review of measures and methods. *Patient Education and Counseling*, 82(3), 346–54. doi:10.1016/j.pec.2010.12.008
- Arora, N. K., Hesse, B. W., Rimer, B. K., Viswanath, K., Clayman, M. L., & Croyle, R. T. 2008. Frustrated and confused: The American public rates its cancer-related information seeking experiences. *Journal of General Internal Medicine*, 23, 223–228.
- Azlan Aziz., Nur Airena Aireen Azman., Adzmel Mahmud., Rosdiana Abd Hamid., & Khairuddin, L. 2013. Socio-Economic Determinants of Pap smear Screening among

- Married Women in Peninsular Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(3), 186–192.
- Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. 2011a. *Pelalain HPV*. Retrieved July 31, 2014, from http://myservik.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=50&Itemid=56
- Bhattacharjee, A. 2012. Social science research: Principles, methods, and practices. *Open Access Textbooks Collection*. Retrieved 30 June, 2014, from http://scholarcommons.usf.edu/oa_textbooks/3
- Brennan, P. F., Downs, S., Casper, G., & Kenron, D. 2007. Project health design: Stimulating the next generation of personal health records. *American Medical Informatics Association: Annual Symposium Proceedings*, 70–74.
- Bruni, L., Barrionuevo-Rosas, L., Serrano, B., Brotons, M., Cosano, R., Muñoz, J., Bosch, F. X., De Sanjosé, S., & Castellsagué, X. 2014. *Human Papillomavirus and related diseases in Malaysia*. ICO Information Centre on HPV and Cancer.
- Chee, H. L., Rashidah, S., Shamsuddin, K., & Intan, O. 2003. Factors related to the practice of breast self-examination and pap smear screening among Malaysian women workers in selected electronic factories. *BMC Women's Health*, 3(3). doi: 10.1186/1472-6874-3-3
- Czaja, R., & Clara, M. 2003. The determinants and consequences of information seeking among cancer patients. *Journal of Health Communication*, 8, 529–562. doi:10.1080/10810730390250470
- Dutta-Bergman, M. J. 2004. Interpersonal communication after 9/11 via telephone and internet: A theory of channel complementarity. *New Media & Society*, 6, 659–673. doi:10.1177/146144804047086
- Dutta-Bergman, M. J. 2006. Media use theory and Internet use for health care. In Murero, M. & Rice, R. E. *The Internet and Health Care: Theory, Research, and Practice* (pp. 83-106). Routledge.
- Epstein, R. M., & Street, R. L. 2007. *Patient-centered communication in cancer care: Promoting healing and reducing suffering*. NIH Publication No. 076225. Bethesda, MD: National Cancer Institute.
- Fauziah Abdullah., Norlaili Abdul Aziz., & Tin, T. S. 2011. Factors related to poor practice of pap smear screening among secondary school teachers in Malaysia. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 12, 1347–1352.
- Ferlay, J., Soerjomataram, I., Ervik, M., Dikshit, R., Eser, S., Mathers, C., Rebelo, M., Parkin, D. M., Forman, D., & Bray, F. 2013. *Cancer incidence and mortality worldwide: IARC cancer base*. Paper presented at the International Agency for Research on Cancer: GLOBOCAN. Retrieved 24 March, 2014, from http://globocan.iarc.fr/Pages/fact_sheets_cancer.aspx
- Fischhoff, B. 2011. Chapter 4: Duty to inform. In Fischhoff, B., Brewer, N. T., & Downs, J. S., *Communicating risk and benefits: An evidence-based user's guide* (pp.19-30). Department of Health and Human Services, Food and Drug Administration: US.
- Forouzanfars, M. H., Foreman, K. J., Delossantos, A. M., Lozano, R., Lopes, A. D., Murray, C. J. L., & Naghavi, M. 2011. Breast and cervical cancer in 187 countries between 1980 and 2010: A systematic analysis. *The Lancet*, 378 (9801), 1461-1484. doi:10.1016/S0140-6736(11)61351-2
- Fries, P. T. 2010. *Complementarity in health information media usage by college students: An application of media complementarity theory in the context of health information*

- (Master of Arts in Communication, University of Dayton). Retrieved 18 June, 2015, from <https://etd.ohiolink.edu/>
- Hay, J., Harris, J. N., Waters, E. A., Clayton, M. F., Ellington, L., Abernethy, A. D., & Prayor-Patterson, H. 2009. Personal communication in primary and secondary cancer prevention: Evolving discussions, emerging challenges. *Journal of Health Communication, 14*, 18–29. doi:10.1080/10810730902806828
- Hayes, A. F. 2013. *An introduction to mediation, moderation, and conditional process analysis: A regression-based approach*. United States of America: The Guilford Press.
- Hayes, A. F., & Preacher, K. J. 2010. Quantifying and testing indirect effects in simple mediation models when the constituent paths are nonlinear. *Multivariate Behavioral Research, 45*(4), 627–660. doi:10.1080/00273171.2010.498290
- Hornik, R. C. 2002. Public health communication: Making sense of contradictory evidence. In R. C. Hornik (Ed.), *Public health communication: Evidence for behavior change* (pp. 1–21). Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Jamsiah, M., Shamsul, A. S., Aniza, I., Rozhan, S., & Ezat, W. P. Sh. 2008. Amalan calitan pap dan faktor hubungkait di kalangan wanita berkahwin di Kg.Sesapan Kelubi, Daerah Hulu Langat, Selangor D. E. Malaysia. *Journal of Community Health, 14*(1), 52–61.
- Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Fatwa MKI). 2010. *Hukum pengambilan vaksin Human Papilloma Virus (HPV)*. Paper presented at Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-92 held on 15 -17 Disember 2010. Retrieved 9 July 2014, from <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pengambilan-vaksin-human-papilloma-virus-hp>
- Katz, B. E. 1957. The two-step flow of communication : An up-to-date report on an hypothesis. *Public Opinion Quarterly, 21*(1), 61–78. doi:10.1086/266687
- Kelly, B., Hornik, R., Romantan, A., Schwartz, J. S., Armstrong, K., DeMichele, A., Fishbein, M., Gray, S., & Hull, S. 2010. Cancer information scanning and seeking in the general population. *Journal of Health Communication, 15*(7), 734–53. doi:10.1080/10810730.2010.514029
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2011. *Barah Pangkal Rahim*. Retrieved February 22, 2013, from http://www.seetrustudio.com/infosihat/media/video/B/Video%20Barah%20Pangkal%20ORahim/Barah-Pangkal-Rahim_BM.php
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2010a. *Ujian saringan Pap Smear*. Retrieved February 22, 2013, from http://jknpenang.moh.gov.my/v3/modules/xt_conteudo/index.php?id=402
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2010b. *Visi dan misi*. Retrieved 4 October 2013, from http://www.moh.gov.my/v/visi_misi
- Khan, T. M., Hassali, M. A., & Al-Haddad, M. S. M. 2011. Patient-physician communication barrier: A pilot study evaluating patient experiences. *Journal of Young Pharmacists, 3*(3), 250–255. doi:10.4103/0975-1483.83778
- Koutsopoulou, S., Papathanassoglou, E. DE., Katapodi, M. C., & Patiraki, E. I. 2010. A critical review of the evidence for nurses as information providers to cancer patients. *Journal of Clinical Nursing, 19*(5-6), 749–65. doi:10.1111/j.1365-2702.2009.02954.x

- Lemal, M., & Bulck, J. V. 2010. Television news coverage about cervical cancer: Impact on female viewers' vulnerability perceptions and fear. *European Journal of Public Health*, 21(3), 381–386. doi:10.1093/eurpub/ckq040
- Mello, S., Tan, A. S. L., Armstrong, K., Schwartz, J. S., & Hornik, R. C. 2013. Anxiety and depression among cancer survivors : The role of engagement with sources of emotional support information. *Health Communication*, 28, 389–396. doi:10.1080/10410236.2012.690329
- Morton, T. A., & Duck, J. M. 2001. Communication and health beliefs: Mass and interpersonal influences on perceptions of risk to self and others. *Communication Research*, 28(5), 602–626. doi:10.1177/009365001028005002
- Muturi, N. 2007. The interpersonal communication approach to HIV/AIDS prevention strategies and Challenges for faith-based Organizations. *Journal of Creative Communications*, 2(3), 307–327. doi: 10.1177/097325860700200303
- Nasir Yusoff., Nur Aishah Mohd Taib., & Aini Ahmad. 2011. The health seeking trajectories of Malaysian women and their husbands in delay cases of breast cancer : A qualitative study. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 12, 2563–2570.
- National Cancer Institute (U.S). 2010. *Cancer advances in focus: Cervical cancer*. National Institutes of Health: U.S. Retrieved January 30, 2013, from <http://www.cancer.gov>
- Nazione, S., Pace, K., Russell, J., & Silk, K. 2013. A 10-year content analysis of original research articles published in Health Communication and Journal Of Health Communication (2000-2009). *Journal of Health Communication*, 18(2), 223–240. doi:10.1080/10810730.2012.688253
- Nelson, W., Moser, R. P., Gaffey, A., & Waldron, W. 2009. Adherence to cervical cancer screening guidelines for U.S. women aged 25–64: Data from the 2005 Health Information National Trends Survey (HINTS). *Journal of Women's Health*, 18(11), 1759–1768. doi:10.1089/jwh.2009.1430
- Nor Aida Maskor, Krauss, S. E., Mazanah Muhamad., & Nik Hasnaa Nik Mahmood. 2013. Communication competencies of oncology nurses in Malaysia. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 14, 153–158. doi:http://dx.doi.org/10.7314/APJCP.2013.14.1.153
- Nor Hayati Othman. 2003. Cancer of the cervix - From bleak past to bright future; a review, with an emphasis on cancer of the cervix in Malaysia. *Malaysian Journal of Medical Sciences*, 9(2), 13–26.
- Nor Hayati Othman., Halimah Yahaya., & Zulkefi Sanip. 2006. *Determination on effectiveness of cervical cancer screening in Peninsular Malaysia*. Retrieved April 3, 2013, http://www.makna.org.my/ar2006/MAKNA_CRP_USM.html
- Nor Hayati Othman., & Matejka Rebolj. 2009. Challenges to cervical cancer screening in a developing country : The case of Malaysia. *Asian Pacific Journal Cancer Prevention*, 10, 747–752.
- Norazah Mohd Suki., & Norbayah Mohd Suki. 2011. Patient satisfaction, trust, commitment and loyalty toward doctors. *2011 International Conference on Sociality and Economics Development*, 10, 498–502. IACSIT Press: Singapore. Retrieved Desember 14, 2013, from <http://www.ipedr.com/vol10/94-S10058.pdf>
- Office of Disease Prevention and Health Promotion. 2005. *Healthy people 2010: Final review* (DHHS publication No. PHS 2012–1038). Washington, DC: U.S. Government Printing Office.

- Persatuan Obstetrik dan Ginekologi Malaysia (Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia-OGSM). 2014. *One stop information portal for healthcare professionals on Human Papillomavirus (HPV) in Malaysia*. Retrieved 11 July 2014, from <http://www.hpvinfosk.com.my/>
- Phellas, C. N., Bloch, A., & Seale, C. 2012. Structured methods: Interviews, questionnaires and observation. In Seale, C. (3rd ed.), *Researching society and culture* (pp.182-202). London: Sage Publication.
- Preacher, K. J., & Hayes, A. F. 2008. Asymptotic and resampling strategies for assessing and comparing indirect effects in multiple mediator models. *Behavior Research Methods*, 40(3), 879–891. doi:10.3758/BRM.40.3.879
- Preacher, K. J., & Hayes, A. F. 2004. SPSS and SAS procedures for estimating indirect effects in simple mediation models. *Behavior Research Methods, Instruments, & Computers*, 36(4), 717-731.
- Preacher, K. J., & Leonardelli, G. J. 2001. *Calculation for the sobel test: An interactive calculation tool for mediation tests*. Retrieved 8 May, 2015, from <http://www.unc.edu/~preacher/sobel/sobel.htm>
- Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. 2011. *Annual report family planning sub-system: Health information and management system* (Publication No. MOH/S/RAN/39.12 (AR)).
- Ramírez, A. S., Freres, D., Martinez, L. S., Lewis, N., Bourgoin, A., Kelly, B. J., Lee, C.-J., Nagler, R., Schwartz, J. S., & Hornik, R. C. 2013. Information seeking from media and family/friends increases the likelihood of engaging in healthy lifestyle behaviors. *Journal of Health Communication: International Perspectives*, 18(5), 527-542. doi: 10.1080/10810730.2012.743632
- Rima Marhayu Abdul Rashid., Maznah Dahlui., Majdah Mohamed., & Dorota Gertig. 2013. Adapting the Australian system: Is an organised screening program feasible in Malaysia? An overview of the cervical cancer screening in both countries. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 14(3), 2141–2146. doi:<http://dx.doi.org/10.7314/APJCP.2013.14.3.2141>
- Rutten, L. J. F., Arora, N. K., Bakos, A. D., Aziz, N., & Rowland, J. 2005. Information needs and sources of information among cancer patients: A systematic review of research (1980-2003). *Patient Education and Counseling*, 57(3), 250–261. doi:10.1016/j.pec.2004.06.006
- Seo, M., & Matsaganis, M. D. 2013. How interpersonal communication mediates the relationship of multichannel communication connections to health-enhancing and health-threatening behaviors. *Journal of Health Communication: International Perspectives*, 18, 1002–1020. doi:10.1080/10810730.2013.768726
- Siti Waringin Oon., Rashidah Shuib., Siti Hawa Ali., Nik Hazlina Nik Hussain., Juwita Shaaban., & Harny Mohd Yusoff. 2011. Factors affecting health seeking behaviour among Kelantanese women on pap smear screening. *International Proceedings of Economics Development and Research*, 20, 1-6.
- Slattery, E. L., Voelker, C. C. J., Nussenbaum, B., Rich, J. T., Paniello, R. C., & Neely, J. G. 2011. A Practical Guide to Surveys and Questionnaires. *Otolaryngology-Head and Neck Surgery*, 144(6) 831–837. doi: 10.1177/0194599811399724
- Suriati, G., Colonius, A., Narimah, S., Norizan, M. N., Azlinda, A., Intan Hashimah, H., & Khairiah Salwa, M. 2012. Knowledge and awareness of Malaysian cancer patients and

- their family towards facing and coping with cancer. *Health and the Environment Journal*, 3(2), 38-50.
- Tan, C. E., Hayati Yaakup., Shamsul Azhar Shah., Aida Jaffar., & Khairani Omar. 2012. Preferences of Malaysian cancer patients in communication of bad news. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 13, 2749–2752. doi:<http://dx.doi.org/10.7314/APJCP.2012.13.6.2749>
- Tian, Y., & Robinson, J. D. 2008. Media use and health information seeking : An empirical test of complementarity theory. *Health Communication*, 23(2), 184–190. doi:10.1080/10410230801968260
- Urrutia, M. T. 2009. *Development and testing of a questionnaire : Beliefs about cervical cancer and Pap test in Chilean women* (Doctor of Philosophy, University of Miami). Available from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3392612)
- Valente, T., Poppe, P., & Merritt, A. 1996. Mass-media-generated interpersonal communication as sources of information about family planning. *Journal of Health Communication*, 1, 247-265.
- Varma, T. 2009. *One less or clueless: An exploration of factors that predict cervical cancer intervention in young women*. Paper presented at the National Communication Association.
- Wong, L. P., Wong, Y. L., Low, W. Y., Khoo, E. M., & Shuib, R. 2008. Cervical cancer screening attitudes and beliefs of Malaysian Women who have never had a Pap Smear: A qualitative study. *International Journal of Behavioral Medicine*, 15, 289-292. doi:10.1080/10705500802365490
- Wong, L. P., Wong, Y. L., Low, W. Y., Khoo, E. M., & Shuib, R. 2009. Knowledge and awareness of cervical cancer and screening among Malaysian women who have never had a Pap smear: a qualitative study. *Singapore Medical Journal*, 50(1), 49-53.
- Zainal Ariffin Omar., & Nor Saleha Ibrahim Tamin. 2012. *National Cancer Registry Report: Malaysia cancer statistics data and figure 2008*. Ministry of Health Malaysia.